

Harun lancar Eco-Campus UMSKAL

UB 3-8-2013 A2

LABUAN: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah UMS), Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah telah melancarkan program Eco-Campus UMS, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) kelmarin.

Beliau turut melancarkan kempen berbasikal dalam kampus, simbolik penanaman pokok buah-buahan dan pelancaran bas Eco-Campus UMSKAL.

Harun juga merasmikan klinik warga yang terletak berhampiran kolej kediaman pelajar untuk memudahkan pelajar lelaki dan perempuan mendapatkan rawatan awal.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Dr Sharif Abdul Kadir Omang dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Dr Shahril Yussof.

Hadir sama Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali, Timbalan Pengarah UMSKAL, Dr Geoffrey Tuah.



HARUN (tiga kanan), Sharif (dua kanan) dan Ismail (tiga kiri) bersama anak-anak kurang upaya yang menerima duit raya daripada UMSKAL.

Harvey Tanakinjal, Dekan SPKAL, Prof Madya Dr Syed Nasirin, Dekan SSIL, Dr Awang Asri Ag Ibrahim dan Timbalan Pendaftar UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah.

Turut diadakan majlis penyampaian buah kurma dan duit raya kepada orang kurang upaya (OKU) serta penyampaian bantuan kepada kakitangan.

Naib Canselor UMS

kemudiannya berbuka puasa bersama-sama pegawai kanan UMS dan kakitangan UMSKAL di ruang legar Bangunan Menara UMSKAL dan menunaikan solat Maghrib di Dewan Theattrette.